

ANCAMAN TERHADAP KEKUASAAN POLITIK MUGHAL DI INDIA ERA AWRANGZIB: SATU PENELITIAN SEJARAH

THE THREAT TO MUGHAL POLITICAL DOMINANCE IN INDIA DURING AWRANGZIB'S REIGN: A HISTORICAL STUDY

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari*

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Nursafira Lubis Safian

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,
Abdulhamid Abu Sulayman Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia

Mohd. Roslan Mohd. Nor

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Izziah Suryani Mat Resad

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author's Email: mozaha@ukm.edu.my

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Ashari, M. Z. A. H., Safian, N. L., Nor, M. R. M. & Resad, I. S. M.. (2024). Ancaman terhadap Kekuasaan Politik Mughal di India Era Awrangzib: Satu Penelitian Sejarah. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 47-59.

ABSTRAK

Setiap pemimpin semestinya menghadapi pelbagai ancaman yang boleh menggugat kekuasaan dan dominasi politiknya. Hal yang sama juga dihadapi oleh Awrangzib semasa beliau menerajui Kerajaan Mughal daripada tahun 1658 hingga 1707.

Pelbagai wilayah yang bernaung di bawah Kerajaan Mughal ketika itu sering kali menimbulkan kekusutan sehingga mengancam penguasaan politik Awrangzib di India. Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, kajian ini bertujuan untuk meneliti ancaman yang terpaksa dihadapi oleh Awrangzib, khususnya yang datang daripada pelbagai wilayah ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian sejarah dan analisis kandungan dalam proses mengumpul dan menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan wilayah-wilayah yang jauh daripada pusat pemerintahan Mughal di Delhi sentiasa mewujudkan ancaman kepada hegemoni politik Mughal, antaranya wilayah timur India, Deccan dan Punjab. Hal ini disebabkan wujudnya penentangan daripada golongan seperti golongan Ahom, Maratha dan Sikh serta kerajaan-kerajaan kecil seperti Bijapur dan Golkonda yang menolak penguasaan Kerajaan Mughal dan berusaha mewujudkan pemerintahan autonomi sendiri. Akibat daripada gejala berkenaan, Awrangzib terpaksa mengambil tindakan tegas melalui ketenteraan bagi mengatasi ancaman yang berlaku sekaligus memastikan kelestarian Kerajaan Mughal.

Kata kunci: Awrangzib; Deccan; Sikh; Maratha; Ahom

ABSTRACT

Every leader encounters various threats that could jeopardize their authority and political dominance. Awrangzib faced similar challenges during his reign over the Mughal Empire from 1658 to 1707. Many regions under Mughal rule frequently stirred unrest, threatening Awrangzib's political control in India. This study seeks to explore the challenges Awrangzib faced, particularly those arising from different regions. Using a qualitative approach, the research relies on historical analysis and content analysis to gather and interpret data. The findings highlight that regions far from the central of Mughal administrative in Delhi such as eastern India, the Deccan, and Punjab, consistently posed threats to Mughal rule. Resistance came from groups like the Ahoms, Marathas, and Sikhs, as well as smaller kingdoms like Bijapur and Golconda that opposed Mughal authority and sought self-governance. In response, Awrangzib had to implement strict military measures to address these threats and maintain the stability of the Mughal Empire.

Keywords: Awrangzib; Deccan; Sikh; Maratha; Ahom

1.0 PENGENALAN

Setiap pemimpin lazimnya akan menghadapi segala isu dan permasalahan yang menguji daya tahan dan kewibawaan pemimpin tersebut. Tambahan pula, personaliti dan karakteristik seseorang pemimpin menyerlahkan lagi daya kepemimpinannya. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti ancaman terhadap kekuasaan Kerajaan Mughal di India ketika era Awrangzib. Rata-rata pengkaji menyifatkan Awrangzib sebagai seorang pemimpin yang mempunyai kewibawaan bersandarkan kepada karakteristik dan pembentukan daya kepemimpinan sewaktu berusia muda. Pengalaman yang ditimba sebelum menjadi maharaja Mughal telah membentuk

gaya kepimpinan sewaktu beliau menyandang jawatan berkenaan (Joshi, 1979). Namun begitu, gaya kepimpinan Awrangzib menjadi lebih terserlah apabila beliau mendepani pelbagai permasalahan yang timbul. Situasi berkenaan akhirnya menuntut Awrangzib untuk menjadi seorang pemimpin yang bijak dalam menangani dan menyelesaikan masalah-masalah berkenaan.

Mahajan (2001) mengutarakan pandangan yang menyentuh ancaman yang dihadapi oleh Awrangzib sewaktu beliau menerajui takhta Kerajaan Mughal pada tahun 1658 hingga 1707. Beliau berpandangan Awrangzib telah banyak menimbulkan masalah ketika pemerintahannya, antaranya penguatkuasaan polisi agama dan ekspedisi ketenteraan ke wilayah Deccan. Mahajan berpendapat kedua-dua polisi berkenaan telah menjelaskan kestabilan Kerajaan Mughal apabila wujud bantahan daripada masyarakat, khususnya golongan bukan Muslim. Namun begitu, terdapat sesetengah ancaman yang dihadapi oleh Awrangzib merupakan isu yang telah wujud sebelum pemerintahannya. Qamaruddin (2004) menyatakan Awrangzib terpaksa melakukan pelbagai usaha pembaharuan dalam menyusun kembali kedudukan Kerajaan Mughal setelah menaiki takhta pada tahun 1658. Kenyataan sedemikian menggambarkan betapa Awrangzib menghadapi pelbagai ancaman yang telah wujud sebelum pemerintahannya dan beliau mengusahakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah berkenaan. Beritik tolak daripada kenyataan para pengkaji tersebut, maka kajian ini akan meneliti ancaman yang ditangani oleh Awrangzib, khususnya yang tercus di beberapa wilayah yang terletak jauh dari pusat pemerintahan Kerajaan Mughal di Delhi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian sejarah dan analisis kandungan terhadap sumber primer dan sekunder dalam proses pengumpulan data. Setelah itu, data-data berkenaan akan dicerakinkan dan ditemakan berdasarkan analisis tematik.

2.0 BIOGRAFI RINGKAS AWRANGZIB

Nama sebenar Awrangzib ialah Muhyi al-Din Muhammad Awrangzib. Nama beliau ini telah diberikan oleh datuknya, Jahangir, sempena ulang tahun pemerintahan Jahangir yang ke-13 (Khan, 1990). Manakala gelaran yang digunakan oleh Awrangzib ialah *Abu al-Muzaffar, Padshah al-Ghazi* dan *Bahadur*. Bagaimanapun, gelaran yang sering kali digunakan oleh para pengkaji apabila merujuk tentang Awrangzib ialah ‘Alamgir’, yang bermaksud ‘Penakluk Dunia’ (Sarkar, 1912; Irvine, 1979; al-Faqi, 2002). Awrangzib merupakan anak keenam daripada dua belas orang adik-beradik bagi pasangan Shah Jahan dan Mumtaz Mahal. Beliau dilahirkan pada hari Ahad, 15 Dhu al-Qa‘idah 1027H bersamaan 24 Oktober 1618 di sebuah tempat bernama Dohad.

Sarkar menyatakan bahawa Awrangzib mula mendapat pendidikan melalui sistem perguruan ketika berusia 10 tahun (Sarkar, 1962; Haq, 1962). Tempoh permulaan yang lambat dalam menerima pendidikan disebabkan Awrangzib berada dalam jagaan Jahangir dan Nur Jahan sebagai tebusan kira-kira hampir dua tahun sewaktu Shah Jahan berkonflik dengan bapanya itu. Namun begitu, Awrangzib turut menerima bimbingan dan didikan ketika berada di istana Nur Jahan. Bagaimanapun, setelah Awrangzib dipertemukan semula dengan bapanya di Agra pada tahun 1628, lalu Shah Jahan merasakan dirinya bertanggungjawab untuk menyediakan

pendidikan sewajarnya buat puteranya itu. Guru-guru yang dilantik untuk mendidik Awrangzib terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan Mughal dan para ulama yang terkenal. Antara guru Awrangzib ialah Sadullah Khan, yang merupakan *wazir* Kerajaan Mughal ketika era pemerintahan Shah Jahan (Sarkar, 1912). Melalui Sadullah Khan, Awrangzib mempelajari ilmu politik, ketenteraan, kepimpinan dan pentadbiran. Justeru, bukan satu perkara yang memerlukan apabila Awrangzib dianggap sebagai pemerintah Kerajaan Mughal yang baik dan cekap dalam menangani masalah. Hal ini disebabkan beliau menerima didikan secara langsung tentang urusan pentadbiran daripada pegawai Kerajaan Mughal. Selain itu, Awrangzib turut mempelajari ilmu agama daripada para ulama yang terkemuka. Menurut Faruki, antara para ulama yang mendidik Awrangzib ialah Mir Muhammad Hashim Gilani, Mullah ‘Abd al-Latif Sultanpuri, Muhyi al-Din atau dikenali sebagai Mullah Mohan, Sayyid Muhammad Qanauchi, Mullah Shaykh Ahmad atau dikenali sebagai Mullah Jivan dan Shaykh ‘Abd al-Qawi (Faruki, 1972).

Sebelum Awrangzib menerajui takhta Kerajaan Mughal pada tahun 1658, beliau telah berpeluang menjadi gabenor di beberapa wilayah, antaranya Deccan (1636-1644, 1652-1658), Gujarat (1645-1647), Balkh dan Badakhshan (1647-1648) dan Multan (1648-1652). Berdasarkan pengalaman luas ini, Awrangzib dilihat sebagai calon yang layak menggantikan Shah Jahan sebagai pemerintah Kerajaan Mughal berbanding adik-beradiknya yang lain. Namun begitu, persaingan antara Awrangzib dengan adik-beradiknya dalam merebut takhta Kerajaan Mughal telah mencetuskan perang saudara. Bagaimanapun, Awrangzib bijak mengatur strategi dan berjaya dalam pertarungan tersebut lalu mengisyiharkan dirinya sebagai maharaja Mughal yang baru pada 21 Julai 1658 (al-Sadati, 2001).

Pemerintahan Awrangzib (1658-1707) dianggap pemerintahan yang berjaya dan dominan dalam sejarah Kerajaan Mughal. Menurut Sarkar, Kerajaan Mughal menikmati zaman kegemilangan era Awrangzib dengan wilayah ketika itu merupakan wilayah yang paling luas dalam sejarah Mughal, merangkumi dari Ghaznah ke Chatgaon dan Kashmir ke Karnatak (Sarkar, 1962). Bagaimanapun, kegemilangan yang dinikmati oleh Kerajaan Mughal semasa era Awrangzib tidak bermakna kerajaan tersebut bebas daripada sebarang ancaman luaran. Bahkan, pentadbiran Awrangzib turut berhadapan dengan pelbagai kerenah dan konflik, khususnya di wilayah yang terletak jauh dari Delhi. Disebabkan itu, Awrangzib terpaksa mengambil pendekatan tegas agar konflik yang tercetus tidak berupaya menggugat kekuasaan Kerajaan Mughal di India.

3.0 ANCAMAN TERHADAP KEKUASAAN KERAJAAN MUGHAL

Awrangzib turut menghadapi beberapa ancaman luaran yang wujud ketika pemerintahannya, khususnya yang berlaku di luar pusat pemerintahan Kerajaan Mughal di Delhi. Antara masalah yang dihadapi oleh Awrangzib ialah pergolakan politik di beberapa wilayah yang terletak di sempadan dan jauh dari Delhi, iaitu wilayah Timur India, Deccan dan Punjab.

3.1 Wilayah Timur India

Wilayah yang kerap kali mencetuskan kemelut dalam politik Mughal ialah wilayah timur India yang meliputi Bihar, Bengal, Assam dan Arakan. Sepanjang sejarah kewujudan Mughal, kemelut politik di wilayah berkenaan telah berlaku semenjak zaman Babur lagi ketika beliau giat memperluaskan pengaruh Mughal ke seluruh India. Namun demikian, kemunculan kuasa Afghan, iaitu Kerajaan Suri, dari kawasan berkenaan telah mencalarkan imej Kerajaan Mughal apabila Humayun suatu ketika kehilangan kerajaannya di Delhi pada tahun 1540 sebelum bangkit semula menguasai Delhi pada tahun 1555 (Pandey, 1963). Kemelut politik di kawasan timur India berterusan semasa pemerintahan Akbar hingga Shah Jahan dengan meletusnya beberapa pemberontakan daripada pemimpin tempatan yang mencabar kekuasaan Kerajaan Mughal di kawasan berkenaan, antaranya daripada Daud Kirrani dan Prem Narayan (Majumdar et al., 1959). Selain itu, wilayah timur India ini turut signifikan dalam catatan sejarah Kerajaan Mughal apabila menjadi tempat kepada beberapa pemimpin Mughal berjuang untuk mendapatkan takhta daripada pemerintah sedia ada ketika itu, antaranya Shah Shuja' (Lane-Poole, 1901).

Walaupun wilayah timur India, khususnya Bengal, dikatakan model kejayaan pemerintahan Mughal yang menyerupai Delhi dan Agra, baik dari segi kestabilan, keamanan dan kelancaran pentadbiran, namun perebutan takhta Mughal yang berlaku pada tahun 1657-1658 menyebabkan pencapaian tersebut tidak dapat dikekalkan. Pemergian Shah Shuja' ke Agra untuk menyertai kempen perebutan takhta menyebabkan pentadbiran Mughal di Bengal menjadi terumbang-ambing. Malah, pertarungan antara Shah Shuja' dengan Awrangzib tetap berterusan setelah Awrangzib menaiki takhta Kerajaan Mughal pada tahun 1658. Dalam tempoh dua tahun (1658-1660), Shah Shuja' telah menumpukan perhatian untuk merampas takhta Kerajaan Mughal daripada Awrangzib dengan menggunakan anggota tentera dan sumber kewangan daripada pentadbiran gabenor Mughal di Bengal. Hal sedemikian menyebabkan pejabat gabenor Mughal di Bengal kekurangan sumber, baik dalam aspek kewangan mahu pun sumber manusia (Roy, 1968). Walaupun berjaya menumpaskan Shah Shuja', Awrangzib menghadapi masalah untuk membangunkan semula wilayah timur India ini sekaligus memperkuatkannya kembali pengaruh Kerajaan Mughal disebabkan pentadbiran Mughal di kawasan berkenaan menghadapi beberapa kekurangan (Kazim, 1868).

Berikutan situasi yang tidak stabil di Bengal, ketua puak Ahom, Jayadhwaja, telah mengambil kesempatan untuk meluaskan pengaruhnya. Malah, kematian gabenor Mughal di Bengal, Mir Jumla, pada tahun 1663 telah membuka peluang yang besar kepada puak Ahom untuk menguasai beberapa kawasan, antaranya Kampur dan Assam (Lane-Poole, 1906). Malah, puak Ahom terus memperhebatkan serangan ke atas wilayah yang dikuasai oleh Kerajaan Mughal pada tahun 1667 sehingga menyebabkan Kerajaan Mughal berusaha melakukan rundingan damai. Namun begitu, tawaran Kerajaan Mughal itu telah ditolak oleh puak Ahom dan hal berkenaan telah menyebabkan hubungan antara kedua-dua pihak menjadi lebih meruncing. Tambahan pula, fokus Awrangzib ketika itu terarah ke wilayah Deccan menyebabkan puak Ahom memperkuatkannya lagi kedudukannya di Assam (Roy, 1968). Keadaan tersebut telah menyebabkan Kerajaan Mughal hanya menguasai

beberapa wilayah sahaja di kawasan timur India manakala sebahagian wilayah lain dikuasai oleh pemimpin-pemimpin tempatan.

Di kawasan yang sama, Awrangzib turut menghadapi ancaman daripada puak Magh, golongan masyarakat tempatan yang menetap di wilayah Arakan (Roy, 1968). Ancaman daripada puak Magh bukan perkara baru dalam sejarah Mughal bahkan telah wujud lebih awal semenjak pemerintahan Jahangir. Kegiatan perluasan kuasa yang dijalankan oleh puak Magh di Arakan melalui serangan ke atas Bhulua pada tahun 1614 telah mengancam kedudukan Mughal di Bengal dengan berbekalan 80,000 kekuatan tentera dan 700 ekor gajah perang. Hal tersebut telah menyebabkan gabenor Mughal di Bengal, Qasim Khan, melancarkan serangan ke atas Chittagong untuk menawan kubu Magh pada tahun 1616 sebagai langkah membalas balik tindakan pihak lawan itu. Bagaimanapun, tentera Mughal gagal dalam menawan kubu tersebut walaupun berjaya mengucar-ngacirkan kedudukan tentera Ahom pada peringkat awal serangan dilakukan. Serangan antara kedua-dua pihak tidak terhenti setakat itu sahaja, malah berterusan pada tahun 1620, 1621 dan 1626. Walaupun ancaman puak Magh ketika era Awrangzib tidak begitu rancak seperti mana sebelumnya, namun Awrangzib telah mengarahkan gabenorinya, Shaista Khan, untuk memerangi puak Magh sehingga berjaya menawan Chittagong pada tahun 1666.

3.2 Wilayah Deccan

Awrangzib turut menghadapi cabaran besar di wilayah Deccan semasa pemerintahannya. Malah, Chandra turut menyifatkan wilayah Deccan sebagai *sleepless objective* kepada pentadbiran Kerajaan Mughal (Chandra, 1977). Kenyataan tersebut cukup menjelaskan tentang kedudukan Deccan yang dianggap sebagai penting dalam menentukan kelangsungan dan keutuhan Kerajaan Mughal. Kemunculan beberapa kerajaan kecil di wilayah berkenaan disifatkan menjadi punca masalah kepada pentadbiran Kerajaan Mughal semenjak era Akbar yang memperkenalkan polisi perluasan kuasa ke seluruh India (Faruki, 1972). Hal ini disebabkan kerajaan-kerajaan tersebut telah bertapak lama di Deccan dan memiliki kekuatan tersendiri dalam menghadapi kemaraan Kerajaan Mughal.

Hubungan antara Kerajaan Mughal dengan wilayah Deccan bermula ketika era Akbar setelah beliau menjalankan polisi perluasan kuasa ke seluruh India. Ketika itu, wilayah Deccan bersedia untuk bernaung di bawah pemerintahan Kerajaan Mughal. Namun begitu, wilayah Deccan turut mengalami pergolakan apabila kerajaan-kerajaan kecil ini bercakaran sesama sendiri sehingga menyebabkan tiga daripada lima kerajaan Islam lenyap. Justeru, hanya dua sahaja kerajaan kecil di Deccan yang masih wujud menjelang pemerintahan Awrangzib, iaitu Kerajaan Bijapur dan Golkonda. Bagaimanapun, kedua-dua kerajaan tersebut telah ditumbangkan oleh Awrangzib lalu menyaksikan Kerajaan Mughal ketika itu menguasai wilayah paling luas di India dalam sejarah kewujudannya (Gribble, 1896).

Menurut Chandra, terdapat tiga faktor yang kompleks menyebabkan Kerajaan Mughal menghadapi masalah semasa berusaha untuk menawan keseluruhan wilayah Deccan, iaitu pentadbiran, ekonomi dan strategik (Chandra, 1993). Ketiga-tiga

faktor tersebut telah menyebabkan Awrangzib bersungguh-sungguh untuk menawan Deccan semasa pemerintahannya. Tambahan pula, Awrangzib pernah berkhidmat sebagai gabenor wilayah Deccan sebanyak dua kali menjadikan beliau masak dengan masalah di wilayah tersebut lalu membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah Deccan dengan segera. Jika ditinjau dari sudut pentadbiran, usaha Awrangzib terhadap wilayah Deccan dilihat sebagai satu cubaan untuk mengulangi cita-cita Akbar menyatukan seluruh India di bawah pemerintahan Kerajaan Mughal. Usaha Akbar untuk menyatukan India dengan melibatkan wilayah Deccan telah bermula pada tahun 1591 apabila Akbar menghantar wakilnya untuk berbincang dengan pemerintah di wilayah Deccan tentang idea penyatuan India tersebut. Setelah rundingan menemui kegagalan, Akbar telah memilih jalan perang dan berjaya menundukkan beberapa kerajaan, antaranya Ahmadnagar dan Berar (Mohamad Zulfazdlee & Mohd. Roslan, 2013). Justeru, penawanan Deccan bukan perkara baru ketika era Awrangzib, bahkan merupakan idea yang telah dijana ketika era Akbar dalam memastikan Kerajaan Mughal menjadi dominan di India. Selain itu, tindakan Kerajaan Bijapur dan Golkonda yang sering kali tidak menepati perjanjian dan cuba melepaskan diri daripada naungan Kerajaan Mughal dilihat antara faktor politik yang mendorong Awrangzib menawan Deccan. Berikutan itu, Awrangzib memutuskan agar penguasaan wilayah Deccan dilakukan dengan memerangi kedua-dua kerajaan yang masih wujud. Kejayaan menawan Deccan akan memudahkan pentadbiran Mughal di India sekaligus dapat memperkuatkan kestabilan Kerajaan Mughal.

Manakala dari sudut ekonomi pula, penguasaan wilayah Deccan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada Kerajaan Mughal. Keadaan kewangan Kerajaan Mughal yang merudum ketika itu memerlukan kepada langkah yang besar untuk mengatasinya. Justeru, penawanan Deccan dilihat sebagai langkah yang mampu dicapai untuk memperbaiki keadaan kewangan Kerajaan Mughal memandangkan Kerajaan Bijapur dan Golkonda merupakan kerajaan yang kaya. Menurut Richards (1975a), pemerintah Kerajaan Golkonda merupakan antara individu terkaya di India dan kekayaan yang dimiliki hampir menyamai kekayaan pemerintah Kerajaan Mughal. Selain itu, kekayaan Golkonda turut dapat dilihat kepada pencapaian kebudayaan, senibina dan kesenian, khususnya di pusat pemerintahan Hyderabad, sehingga pencapaian tersebut diberikan jolokan *Deccani Culture*. Kerajaan Bijapur juga merupakan antara kerajaan yang kaya seperti mana Kerajaan Golkonda. Seperti mana kenyataan geografis Inggeris, Ogilby, yang dinukilkan oleh Gribble (1896) tentang kekayaan kedua-dua kerajaan tersebut:

“Bijapur had many jewellers who traded in diamonds and pearls of great value. The diamonds were brought from Golconda and were sold to Surat and Cambay merchants, who re-sold them in Goa and elsewhere”.

Kenyataan di atas menunjukkan kedua-dua kerajaan tersebut menghasilkan komoditi seperti permata dan mutiara untuk diperdagang. Bahkan, laluan perdagangan komoditi tersebut turut melalui wilayah Bijapur dan Golkonda. Berdasarkan kenyataan ini, jelas menggambarkan betapa kekayaan yang dimiliki

oleh kedua-dua kerajaan tersebut dan perkara berkenaan menjadi sasaran Kerajaan Mughal. Selain itu, perjanjian Mughal-Bijapur pada tahun 1636 mensyaratkan bayaran ufti tahunan sebanyak 20 *lakh rupees* oleh Kerajaan Bijapur kepada pemerintahan Mughal (Faruki, 1972). Kemampuan membayar ufti tahunan dengan jumlah sebesar itu pada waktu tersebut menggambarkan kekayaan yang dimiliki oleh Kerajaan Bijapur. Malah, kekayaan Kerajaan Bijapur dan Golkonda dapat dilihat pada keupayaan kedua-dua kerajaan berkenaan menyediakan dana kepada Shivaji bagi memerangi tentera Mughal.

Apabila ditinjau dari sudut strategik pula, masalah dan cabaran di wilayah Deccan ini berkait rapat dengan Kerajaan Safawiyyah yang berpusat di Parsi. Hal ini disebabkan Kerajaan Bijapur dan Kerajaan Golkonda diperintah oleh pemerintah bermazhab Shi‘ah. Malah, pengasas Kerajaan Bijapur, Yusuf ‘Adil Shah, telah mengisytiharkan Shi‘ah sebagai mazhab kerajaannya dan memberikan ketaatan kepada pemerintah Kerajaan Safawiyyah (Khalidi, 1992). Pengisytiharan tersebut menyebabkan ramai orang Parsi datang ke Bijapur dan berkhidmat di sana, baik sebagai askar, pentadbir dan pedagang. Begitu juga situasi yang wujud dalam Kerajaan Golkonda, sebuah lagi kerajaan yang memperakui pengaruh Safawiyyah dan diterajui oleh golongan Shi‘ah (Richards, 1975b). Kerajaan Golkonda menyediakan ruang kepada golongan ulama Shi‘ah untuk mengajar di Golkonda. Kedatangan ulama Shi‘ah ini menyebabkan tumbuhnya pelbagai institusi yang pro-Shi‘ah seperti masjid dan dewan, yang berfungsi untuk menjadi tempat meraikan perayaan-perayaan berbaur Shi‘ah. Malah, khutbah Jumaat di kedua-dua tempat tersebut turut mendoakan pemimpin Safawiyyah dan imam dua belas. Sehubungan itu, kebanjiran orang Parsi ke wilayah Deccan memperkuuh pengaruh Safawiyyah di wilayah berkenaan dan hal sedemikian dibimbangi oleh pemerintah Kerajaan Mughal, termasuk sewaktu Awrangzib menerajui kerajaan.

Walaupun Awrangzib dikenali sebagai seorang pejuang Sunni yang sejati, namun tindakan beliau menyerang Deccan bukan disebabkan pertembungya antara Sunni dengan Shi‘ah semata-mata memandangkan pernah wujud kerajaan kecil bermazhab Sunni di Deccan yang turut mengancam Kerajaan Mughal, iaitu Kerajaan Ahmadnagar (Bredi et al., 1988). Tindakan Awrangzib lebih terarah kepada persaingan pengaruh antara Kerajaan Mughal dengan Safawiyyah di wilayah Deccan. Jika dilihat pada sudut geo-politik dan strategi, kedudukan Kerajaan Mughal terletak di tengah-tengah antara Kerajaan Safawiyyah di utara dan barat manakala kerajaan-kerajaan kecil di Deccan yang terletak di sebelah selatan kekuasaan Mughal. Hal sedemikian menjadikan Kerajaan Mughal seolah-olah tersepit dan perlu melakukan sesuatu demi kelangsungannya di India. Kerajaan Mughal sendiri telah mempunyai pengalaman pahit dalam menghadapi Kerajaan Safawiyyah, khususnya berkaitan isu Kandahar. Justeru, Awrangzib lebih cenderung memilih untuk menyelesaikan masalah di Deccan berbanding menghadapi Safawiyyah sekali lagi yang belum tentu kemenangan politik dapat dinikmati. Selain itu, kekuatan Bijapur dan Golkonda yang lemah berbanding Safawiyyah menjadi asbab utama mengapa Awrangzib beria-ia mahu menguasai Deccan.

Selain itu, kemunculan kuasa Maratha di wilayah Deccan turut menjadi masalah utama kepada Awrangzib (al-Hamuri, 2000). Keadaan sebegini disebabkan Kerajaan Bijapur dan Kerajaan Golkonda sering mengadakan pakatan dengan

golongan Maratha untuk memerangi Awrangzib. Misalnya, Kerajaan Golkonda menggunakan kekayaan yang dimilikinya dengan menyumbang dana kepada kempen Shivaji dalam menentang Kerajaan Mughal (Richards, 2008). Oleh itu, Awrangzib beranggapan dengan penguasaan sepenuhnya ke atas wilayah Deccan merupakan suatu jawapan kepada masalah yang ditempuhi daripada kedua-dua kerajaan berkenaan dan seterusnya dapat menghalang kemaraan golongan Maratha.

3.3 Wilayah Punjab

Golongan Sikh yang mendominasi wilayah Punjab turut melancarkan beberapa penentangan terhadap Kerajaan Mughal sewaktu pemerintahan Awrangzib. Walaupun golongan Sikh ini merupakan sebuah entiti agama, namun kecenderungan terhadap politik dan kekuatan ketenteraan yang dimiliki telah membayangi imej keagamaan golongan Sikh (Gupta, 1974). Hal sedemikian telah menggugat kedudukan Kerajaan Mughal apabila golongan Sikh mula memberikan tantangan, khususnya dalam urusan politik di India. Tindakan golongan Sikh ini dalam merencanakan penentangan boleh difahamkan sebagai suatu bentuk langkah dalam menjaga kedudukan mereka di wilayah India, khususnya Punjab (Pandey, 1963).

Walaupun kewujudan Sikh telah bermula lebih awal, namun ajaran tersebut menikmati perkembangan pesat setelah Guru Arjun dipilih sebagai pemimpin tertinggi golongan Sikh pada tahun 1581. Hubungan baik antara Guru Arjun dengan Akbar, pemerintah Mughal ketika itu, telah menjadi antara pendorong kepada golongan Sikh untuk memberikan sokongan kuat kepada Kerajaan Mughal. Tambahan pula, polisi *Din-i-Illahi* yang diperkenalkan oleh Akbar turut memperkuatkan lagi sokongan masyarakat Sikh. Bagaimanapun, hubungan baik antara kedua-dua pihak tidak kekal lama setelah Jahangir menaiki takhta Kerajaan Mughal pada tahun 1605. Guru Arjun telah ditangkap dan dikenakan hukuman mati atas kesalahan memberi sokongan dan membantu Khusraw melancarkan pemberontakan terhadap Jahangir (Gupta, 1974). Walaupun hukuman dijatuhkan disebabkan kesalahan Guru Arjun atas kapasiti peribadi, namun bagi masyarakat Sikh, tindakan Jahangir tersebut merupakan satu penghinaan terhadap mereka, terutama sekali status Guru Arjun sebagai pemimpin agama Sikh. Disebabkan peristiwa ini, pemimpin Sikh selepas Guru Arjun telah mengambil langkah dengan mempersiapkan golongan Sikh dengan latihan ketenteraan. Selain itu, pemimpin-pemimpin Sikh turut mula membiasakan diri dengan gaya hidup seorang raja untuk menaikkan imej masing-masing sebagai tokoh yang patut dihormati. Perubahan tersebut telah menambah sangsi pihak Kerajaan Mughal terhadap golongan Sikh, khususnya ketika era Jahangir dan Shah Jahan.

Awrangzib telah mengambil inisiatif untuk memulihkan hubungan dengan golongan Sikh sebaik sahaja beliau menaiki takhta pada tahun 1658. Misalnya, Awrangzib tidak menjatuhkan hukuman terhadap pemimpin Sikh, Guru Har Rai, atas tuduhan membantu Dara Shikuh ketika Awrangzib sedang memerangi abangnya itu. Malah, Guru Har Rai telah menghantar anaknya, Ram Rai, bagi menjelaskan situasi yang sebenar bahawa pemimpin Sikh tidak berhasrat untuk membantu Dara Shikuh. Apa yang menarik, Awrangzib telah mengurniakan *jagir*, iaitu sebuah kawasan di Dehradun, kepada Ram Rai. Ram Rai telah membina kuil

Sikh atau gudwara di kawasan berkenaan (Sharma, 1988). Langkah sedemikian disifatkan sebagai usaha Ram Rai bagi mengangkat dirinya menjadi pemimpin Sikh selepas Guru Har Rai. Manakala tindakan Awrangzib ini secara tidak langsung menggambarkan beliau seorang yang bertoleransi terhadap agama lain walaupun terdapat tohmahan yang mendakwa sebaliknya. Namun begitu, Richards (2008) menyifatkan langkah Awrangzib mengurniakan *jagir* kepada Ram Rai sebagai usaha menawan hati masyarakat Sikh sekali gus menguasai golongan ini demi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

Namun begitu, hubungan antara Awrangzib dengan golongan Sikh menjadi tegang apabila pemimpin Sikh, Guru Tegh Bahadur dihukum bunuh pada tahun 1675. Terdapat pelbagai hujah yang dibawa oleh para pengkaji apabila membincangkan tentang peristiwa ini. Gupta (1974) berpendapat tindakan Awrangzib menjatuhkan hukuman terhadap Guru Tegh Bahadur sebagai satu bentuk manifestasi sikap bencinya kepada golongan bukan Muslim, terutama sekali Awrangzib dilihat bersungguh-sungguh untuk mewujudkan sebuah negara Islam di India. Menurut Gupta lagi, keengganan Guru Tegh Bahadur untuk memeluk Islam setelah dipaksa Awrangzib menyebabkan pemimpin Sikh tersebut dihukum bunuh. Manakala Faruki (1972) pula berpendapat bahawa Awrangzib terpaksa menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Guru Tegh Bahadur disebabkan pemimpin Sikh telah memperkuatkan pengaruhnya, termasuk mengajak orang Islam untuk menganuti ajaran Sikh. Richards (2008) turut sepandapat dengan Faruki dengan menyatakan penerimaan orang Islam terhadap agama Sikh, khususnya di Punjab, menyebabkan Awrangzib terpaksa mengambil tindakan tegas bagi memelihara akidah umat Islam.

Walaupun isu agama dilihat menjadi persoalan utama kepada kematian Guru Tegh Bahadur, wujud faktor lain yang mendorong peristiwa tersebut berlaku, iaitu persaingan politik dan pengaruh antara pemimpin golongan Sikh. Ram Rai, yang berhasrat untuk menjadi pemimpin tertinggi masyarakat Sikh, telah mengadu kepada Awrangzib tentang Guru Tegh Bahadur yang berhasrat untuk menyaingi penguasaan Kerajaan Mughal di wilayah Punjab dengan menggunakan gelaran *Sachcha Padshah*. Awrangzib turut menerima aduan daripada pegawai Kerajaan Mughal di Punjab yang melaporkan Guru Tegh Bahadur mempergunakan pengaruhnya sebagai pemimpin spiritual untuk memaksa rakyat di wilayah berkenaan membayar wang kepada beliau. Wang yang dibayar untuk diibaratkan sebagai cukai atau zakat dan digunakan oleh Guru Tegh Bahadur untuk memperkuatkannya kedudukannya melalui kekuatan ketenteraan (Pandey, 1963). Disebabkan itu, Awrangzib terpaksa mengambil tindakan tegas dengan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Guru Tegh Bahadur untuk menjaga ketenteraman awam, khususnya di Punjab. Menurut perspektif Awrangzib, pengaruh Guru Tegh Bahadur jika tidak dibendung sebaiknya akan lebih memudaratkan situasi dan seterusnya menggugat kestabilan Kerajaan Mughal. Justeru, pengkaji beranggapan bahawa pendapat yang menyatakan tindakan Awrangzib disebabkan faktor agama semata-mata boleh disifatkan sebagai suatu pendapat yang kurang cermat. Jika benar Awrangzib membenci pemimpin Sikh dan pengikutnya, seharusnya Awrangzib menjatuhkan hukuman ke atas Guru Tegh Bahadur sebaik sahaja beliau dipilih sebagai pemimpin Sikh pada tahun 1664, bukan menunggu 10 tahun selepas pelantikan tersebut untuk menjatuhkan hukuman. Malah, tindakan Awrangzib dibuat selepas beliau menerima aduan daripada Ram

Rai dan pegawai Kerajaan Mughal di Punjab. Hal berkenaan membuktikan Awrangzib tidak mengambil tindakan sewenang-wenangnya dalam menjatuhkan hukuman ke atas seseorang kecuali setelah mengenal pasti kesan yang akan dihadapi sekiranya sesuatu masalah tidak dibendung sebaik mungkin.

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga ancaman dari pelbagai puak dan kerajaan-kerajaan kecil yang mencabar kekuasaan Kerajaan Mughal di India. Ketiga-tiga ancaman tersebut yang tercetus di wilayah yang jauh dari pusat pemerintahan Kerajaan Mughal di India, iaitu timur India, Deccan dan Punjab bertujuan untuk mewujudkan pemerintahan sendiri dan menolak hegemoni politik Mughal di wilayah masing-masing. Malah, ancaman tersebut wujud sebelum Awrangzib memerintah Kerajaan Mughal. Setelah beliau mengambil alih pemerintahan daripada Shah Jahan, Awrangzib telah mengusahakan pendekatan tegas iaitu dalam bentuk tindakan ketenteraan dalam menghadapi ancaman di wilayah-wilayah berkenaan. Usaha berkenaan ternyata membawa hasil apabila Awrangzib berjaya meredakan ketegangan yang timbul daripada ancaman yang berlaku walaupun tidak berjaya menghapuskan ancaman berkenaan secara keseluruhan. Namun begitu, tindakan ketenteraan yang dilaksanakan berjaya memastikan kelestarian Kerajaan Mughal sekurang-kurangnya untuk tempoh pemerintahan Awrangzib selama 49 tahun.

Penghargaan

Kajian ini merupakan *output* Geran Universiti Penyelidikan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan kod: GUP-2022-033.

Sumbangan Pengarang

Ashari, M. Z. A. H., Safian, N. L., Nor, M. R. M. & Resad, I. S. M.. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

al-Faqi, I. D. A. R. (2002). *Bilad al-Hind fi al-'Asr al-Islami Mundhu Fajr al-Islam wa Hatta al-Taqsim*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

- al-Hamuri, K. A. H. (2000). *al-Imbratur al-Maghuli Abu al-Muzaffar Muhammad Muhyi al-Din Awrangzib wa siyasatuhu al-islahiyyah* (1659-1707). Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera, Universiti Yarmouk.
- al-Sadati, A. M. (2001). *Tarikh al-Muslimin fi Sibh al-Qarat al-Hind Bakistaniyyah wa Hadaratihim*. al-Qahirah: al-Matba‘at al-Namudhjayyat.
- Bredi, D., Coslovi, F. & Amoretti, B. S. (1988). Shi’ism in the Deccan: A hypothetical study. *Islamic Culture: An English Quarterly*, LXII(2-3): 97-112.
- Chandra, S. (1977). The Deccan policy of the Mughals - A reappraisal (I). *The Indian Historical Review*, IV(III): 326-335.
- Chandra, S. (1993). *Mughal Religious Policies, The Rajputs & The Deccan*. New Delhi: Vikas Publishing House Pvt. Ltd.
- Faruki, Z. (1972). *Aurangzeb & His Times*. Delhi: Idarah-i Adabiyat-i Delhi.
- Gribble, J. D. B. (1896). *A History of The Deccan*. Jil. I. London: Luzac & Co.
- Gupta, A. D. (1988). Trade and politics in eighteenth century India. Dlm. M. Alam & S. Subrahmanyam (pnyt.), *The Mughal State 1526-1750* (hlm. 364-379). New Delhi: Oxford University Press.
- Gupta, H. R. (1974). The Sikhs. Dlm. R. C. Majumdar. *The History and Culture of the Indian People: The Mughul Empire* (hlm. 305-326). Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan.
- Haq, S. M. (1962). Prince Awrangzib: A study (1). *Journal of The Pakistan Historical Society*, X(I): 1-24.
- Irvine, W. (1979). Awrangzib. Dlm. *Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- Joshi, R. (1979). *Aurangzeb-attitudes and Inclinations*. Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd.
- Kazim, M. (1868). *‘Alamgirnamah*. Calcutta: Asiatic Society of Bengal.
- Khalidi, O. (1992). The Shia’ahs of the Deccan: An introduction. *Hamard Islamicus*, XV(4): 31-52.
- Khan, I. (1990). *The Shah Jahan Nama of ‘Inayat Khan*. Sunt. W. E. Begley & Z. A. Desai. New Delhi: Oxford University Press.
- Lane-Poole, S. (1901). *Aurangzib and the Decay of the Mughal Empire*. Oxford: Oxford Unviersity Press.
- Lane-Poole, S. (1906). *History of India*. London: The Grolier Society.
- Mahajan, V. J. (2001). *Modern India History: From 1707 to the Present Day*. New Delhi: S. Chand & Company Ltd.
- Majumdar, R. C., Raychaudhuri, H. C. & Kalikinkar, D. (1956). *An Advanced History of India*. London: Macmillan & Co. Ltd.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Mohd. Roslan Mohd. Nor. (2013). Akbar (1556-1605M) dan usaha penyatuan India di bawah Kerajaan Mughal. *Al-Muqaddimah: Journal of Postgraduate Studies in Islamic History and Civilization*, 1(2): 55-66.
- Pandey, A. B. (1963). *Later Medieval India: A History of the Mughals*. Allahabad: Central Book Depot.
- Qamaruddin, M. (2004). *A Politico-cultural Study of the Great Muguls (1526-1707)*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Richards, J. F. (1975a). *Mughal Administration in Golconda*. London: Oxford University Press.

- Richards, J. F. (1975b). The seventeenth century concentration of state power at Hyderabad. *Journal of The Pakistan Historical Society*, XXIII(1): 1-35.
- Richards, J. F. (2008). *The New Cambridge History of India: The Mughal Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Roy, A. C. (1968). *History of Bengal: Mughal Period (1526-1765 A.D.)*. Calcutta: Nababharat Publishers.
- Sarkar, J. (1912). *History of Aurangzib*. Jil. 1. Calcutta: M. C. Sarkar & Sons.
- Sarkar, J. (1962). *A Short History of Aurangzib 1618-1707*. Calcutta: M. C. Sarkar & Sons Private Ltd.
- Sharma, S. R. (1988). *The Religious Policy of The Mughal Emperors*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd.